

Umno tidak pernah kena syarat berpakaian: Khalil

BH 28 AUG 2000

KUANTAN, Ahad – Pekeliling, kononnya dihantar Ibu Pejabat Umno berhubung arahan berpakaian termasuk larangan memakai kopiah putih ketika menghadiri majlis Perdana Menteri, turut diedarkan di masjid dan surau seluruh negara.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata tindakan itu didakwa dilakukan pembangkang selepas mereka memikirkan cara berkenaan berkesan bagi mempengaruhi orang ramai supaya membenci parti dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Kita dimaklumkan salinan surat palsu itu turut disebar ke surau dan masjid untuk mempengaruhi orang ramai kononnya Umno tidak menyukai mereka yang bersongkok, berkopiah atau berjanggut menghadiri majlis yang disertai Dr Mahathir.

“Ini semua helah pembangkang yang suka mencari kesempatan bagi membangkitkan perasaan marah rakyat.

“Sebenarnya Umno tidak pernah kenakan syarat berpakaian jika mahu bersama pemimpin, malah kita bersikap terbuka dan tahu isu pakaian ini boleh menjadi sensitif bagi sesetengah pihak,” katanya.

Akhbar hari ini melaporkan penafian Khalil bahawa Umno mengedar surat pekeliling mengenai arahan berpakaian ketika menghadiri majlis yang disertai Perdana Menteri.

Surat yang kononnya ditandatangani oleh Khalil dan ditujukan kepada Ketua Badan Perhubungan Umno negeri itu, dikatakan menggunakan kepala surat Umno bertarikh 26 Julai 2000.

Khalil menegaskan, Umno sentiasa terbuka dalam soal berpakaian, malah tidak pernah meletakkan syarat kepada orang ramai yang ingin bersama-sama pemimpin dalam sesuatu majlis.

Katanya, walaupun pembangkang berusaha menggambarkan seolah-olah Umno tidak menyukai orang bersongkok, berkopiah atau berjanggut, mereka juga tidak harus menganggap golongan tidak bersongkok dan berjanggut sebagai tidak Islam.

“Tidak ada fatwa yang mengatakan Islam mesti mengikut norma tertentu, malah di negara Arab sendiri, cara berpakaian mereka berlainan antara satu sama lain.

“Di sesetengah negara, mereka yang memakai kopiah tidak semestinya beragama Islam, malah ada juga paderi berketayap. Jadi, saya berharap orang ramai yang membaca surat itu tidak terpedaya dengan helah pembangkang berkenaan,” katanya.